



**KERAJAAN NEGERI KELANTAN**  
**IKLAN JAWATAN KOSONG**

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan :

JAWATAN	:	PEGAWAI SYARIAH
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
GRED JAWATAN	:	LS9
GRED GAJI	:	GAJI MINIMUM      GAJI MAKSIMUM      KENAIKAN GAJI TAHUNAN RM2,580.00              RM11,110.00              RM225.00
SYARAT LANTIKAN	:	1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: (a)(i) Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Undang-undang dengan Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred LS9: RM2,580.00); atau (ii) Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dalam bidang Syariah atau Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengajian Islam (Syariah) dan Diploma Lanjutan Undang-undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred LS9: RM2,580.00).
SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU	:	2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang- kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN	:	3. Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Penolong Pegawai Syariah adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Syariah Gred LS9, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan: (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(a); dan (b) had umur pelantikan: (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.